

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	30/10/2018	MUKA SURAT	: 26
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Bersihkan pantai, tanam pokok bakau

SERAMAI 50 orang warga kerja syarikat pengeluar tandas elektronik dari Jepun, Toto Malaysia Sdn. Bhd menyertai program tanaman bakau dan membersihkan pantai di Kampung Nelayan Sungai Timur, Linggi, Negeri Sembilan baru-baru ini.

**Ketua Jabatan Promosi Program Tanggungjawab Sosial Korporat, Toto Malaysia Siti Aminah Tan** berkata, program berkenaan mula diperkenalkan sejak tahun 2014 bertujuan berbakti kepada alam sekitar.

"Kami sedar pokok bakau menyediakan sumber rezeki kepada nelayan setempat kerana ia menjadi pusat pembiakan hidupan laut serta kawasan perindungan pelbagai jenis unggas yang mengemari cuaca



**SEBAHAGIAN** peserta bergambar kenangan di hadapan Pusat Ikan Hiasan Port Dickson, Jabatan Perikanan Malaysia sebelum program pelepasan penyu di Tanjung Biru, Negeri Sembilan baru-baru ini.

lembap dan nyaman pada kawasan bakau tersebut.

"Aktiviti penanaman kira 100

anak pokok serta benih bakau berembang itu turut bertujuan memelihara habitat kelip-kelip.

Kami berharap kehadiran lebih banyak serangga itu dapat menarik pelancong mengunjungi kawasan tersebut," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Program itu turut mendapat kerjasama jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan penduduk setempat.

Selain itu, pihaknya turut melakukan aktiviti pelepasan penyu di Tanjung Biru, Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Ia diadakan dengan kerjasama Pusat Ikan Hiasan Jabatan Perikanan Port Dickson

Katanya, aktiviti berkenaan dirancang sejajar dengan moto syarikat yang mempunyai matlamat menjadikan Dunia Ini Tempat Tinggal Yang Indah.